



Rujukan : ANM/PPPA/802 JLD.6 (34)  
Tarikh : 29 Disember 2017

## SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

### **GARIS PANDUAN POLISI PERALIHAN PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN BAGI KERAJAAN PERSEKUTUAN**

Adalah saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti mana YBhg. Dato'/tuan/puan sedia maklum, sistem 1GFMAS akan mula dilaksanakan pada 1 Januari 2018. Sehubungan dengan itu, satu **Garis Panduan Polisi Peralihan Pelaksanaan Perakaunan Akruan bagi Kerajaan Persekutuan** telah disediakan sebagai persediaan awal pelaksanaan perakaunan akruan selaras dengan pemakaian SPANM 11/2017 Polisi Peralihan Pelaksanaan Perakaunan Akruan bagi Kerajaan.

3. Garis panduan ini hendaklah dipatuhi oleh semua Kementerian dan Jabatan Persekutuan dalam tempoh masa peralihan yang telah ditetapkan. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai garis panduan ini boleh diajukan kepada:

Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
E-mel: [helpdesk.akruan1@anm.gov.my](mailto:helpdesk.akruan1@anm.gov.my)  
No. Tel.: 038882 1018  
No. Fax: 038882 1775


4. Perhatian YBhg. Dato'/ tuan/ puan berkenaan perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Membudayakan Inovasi Memperkasakan Perakaunan Akruan"***

Saya yang menurut perintah,



(Dr Yacob bin Mustafa c.A (M))  
Timbalan Akauntan Negara (Operasi)  
b/p Akauntan Negara Malaysia

s.k.:       Akauntan Negara Malaysia  
              Pengarah BPOPP  
              Pengarah BPOPA

## SENARAI EDARAN

1. Pengarah  
JANM Negeri Kedah  
Aras 1 & 4, Zon C  
Wisma Persekutuan Anak Bukit  
Bandar Muadzam Shah  
06520 Alor Setar, Kedah.
2. Pengarah  
JANM Negeri Sabah  
Aras Bawah, 6 & 7, Wisma Perindustrian  
Jalan Istiadat, Teluk Likas  
Beg Berkunci 2053  
88594 Kota Kinabalu, Sabah.
3. Pengarah  
JANM Negeri Sarawak  
Tingkat 6,  
Bangunan Tun Datuk Patinggi Tuanku Hj. Bujang  
Jalan Simpang Tiga  
93594, Kuching Sarawak.
4. Pengarah  
JANM Negeri Selangor  
Bangunan Affin Bank, Lot Presint 3.4  
Persiaran Perbandaran, Seksyen 14  
40900 Shah Alam, Selangor
5. Pengarah  
JANM Negeri Johor  
Aras 8 & 11, Menara Tabung Haji  
Jalan Ayer Molek  
80720 Johor Bahru, Johor.
6. Pengarah  
JANM Negeri Perak  
Tingkat 5 – 9, Wisma Maju UMNO  
Jalan Sultan Idris Shah  
30990 Ipoh, Perak.
7. Pengarah  
JANM Negeri Pulau Pinang  
Tingkat 42, KOMTAR  
10000 Pulau Pinang.
8. Pengarah  
JANM Negeri Pahang  
Tingkat 4 & 5, Bangunan BSN  
Jalan Bank  
25000 Kuantan, Pahang.

9. Pengarah  
JANM Negeri Kelantan  
Blok A, Bangunan Persekutuan  
Jalan Doktor  
15590 Kota Bahru, Kelantan.
10. Pengarah  
JANM Negeri Perlis  
Tingkat 3, Bangunan Persekutuan  
Persiaran Jubli Emas  
01000 Kangar, Perlis.
11. Pengarah  
JANM Negeri Sembilan  
Tingkat 10, Wisma Persekutuan  
Jalan Dato' Abdul Kadir  
70990 Seremban, Negeri Sembilan.
12. Pengarah  
JANM Negeri Terengganu  
Tingkat 11, Wisma Persekutuan  
Jalan Sultan Ismail  
20594 Kuala Terengganu, Terengganu.
13. Pengarah  
JANM Negeri Melaka  
Aras 5, Menara Persekutuan  
Jalan Persekutuan, MITC  
Ayer Keroh  
75450 Melaka.
14. Pengarah  
JANM Cawangan Labuan  
Tingkat 5, Blok 4  
Jalan Merdeka  
87016 WP Labuan.
15. Pengarah  
JANM Cawangan Tawau  
Tingkat 4, Wisma Persekutuan  
Jalan Danlop, Bandar Sabindo  
91000 Tawau, Sabah.
16. Pengarah  
JANM Cawangan Miri  
Tingkat 4, Yu Lan Plaza  
Jalan Brooke  
98000 Miri, Sarawak.
17. Pengarah  
JANM Cawangan Sandakan  
Tingkat 2, Bangunan Wisma Persekutuan  
90500 Sandakan, Sabah.

18. Pengarah  
JANM Cawangan Sibu  
Wisma Persekutuan, Blok 1  
Jalan Awang Ramli Amit  
96000 Sibu, Sarawak.
19. Pengarah  
JANM Cawangan Sri Aman  
Tingkat 2 & 3, Blok 3, Wisma Persekutuan  
Fasa 2, Jalan Kejatau  
95000 Sri Aman, Sarawak.
20. Pengarah  
JANM Cawangan Sarikei  
No. 2 & 3, Lorong Jubli Mutiara 2  
Jalan Bersatu  
96100 Sarikei, Sarawak.
21. Pengarah  
JANM Cawangan Bintulu  
Tingkat 2, Wisma Bintulu  
No. 1, Jalan Kidurong  
97007 Bintulu, Sarawak.
22. Pengarah  
JANM Cawangan Keningau  
Rumah Persekutuan, Tingkat 2  
Beg Berkunci No. 5  
89009 Keningau, Sabah.
23. Pengarah  
JANM Cawangan Limbang  
Tingkat 1 – 3, Lot 2002 LTD  
Jalan Tarap  
98700 Limbang, Sarawak.
24. Pengarah  
JANM Cawangan Kapit  
Tingkat Bawah & 1, Wisma Persekutuan  
Jalan Kapit By – Pass  
96800 Kapit, Sarawak.
25. Ketua Akauntan  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Bhg. Akaun, Aras 7-8, Blok E12  
Kompleks Kerajaan Parcel E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA.
26. Ketua Akauntan  
Kementerian Dalam Negeri  
Bahagian Akaun  
Aras 8, Blok D1  
Kompleks Kerajaan Parcel D  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62546 PUTRAJAYA.

27. Pengarah  
Bahagian Akaun Kementerian Kewangan  
Kompleks Kementerian Kewangan  
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2  
62594 PUTRAJAYA.
28. Ketua Akauntan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Bhg. Akaun, Aras 6  
Blok E7, Parcel E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 PUTRAJAYA.
29. Ketua Akauntan  
Jabatan Perdana Menteri  
Bahagian Akaun  
Aras 3 & 4, Blok B7  
Kompleks Jabatan Perdana Menteri  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 PUTRAJAYA.
30. Ketua Akauntan  
Kementerian Pertahanan Malaysia  
Bahagian Akaun, Tingkat 1  
Wisma Pertahanan  
Jalan Padang Tembak  
50634 KUALA LUMPUR.
31. Setiausaha Bahagian  
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi  
Bahagian Akaun  
Aras 1-7, Block C4 & C5  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62662 PUTRAJAYA.
32. Ketua Akauntan  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan  
Bahagian Akaun  
Aras 6 (Menara), No 13, Persiaran Perdana, Presint 2,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62623 PUTRAJAYA.
33. Ketua Akauntan  
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar  
Bahagian Akaun  
Wisma Sumber Asli  
Persiaran Perdana Presint 4  
62574 PUTRAJAYA.
34. Setiausaha Bahagian  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat  
Bahagian Akaun  
Aras 33, No.55, Persiaran Perdana Presint 4  
62100 PUTRAJAYA.

35. Setiausaha Bahagian  
Kementerian Sumber Manusia  
Bahagian Akaun  
Aras 6-9, Blok D3, Kompleks D  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62530 PUTRAJAYA.
36. Ketua Akauntan  
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri  
Bahagian Akaun  
Tingkat 7, Blok 10  
Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta  
50622 KUALA LUMPUR.
37. Ketua Akauntan  
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah  
Bahagian Kewangan, Belanjawan dan Akaun  
No.47, Persiaran Perdana, Presint 4  
62100 PUTRAJAYA.
38. Ketua Akauntan  
Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air  
Bahagian Akaun  
Blok E4/5, Kompleks Kerajaan Parcel E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62668 PUTRAJAYA
39. Ketua Akauntan  
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Bahagian Akaun  
Aras 14, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4  
62100 PUTRAJAYA.
40. Ketua Akauntan  
Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan  
Bahagian Akaun  
No.2, Menara 1  
Jalan P5/6, Presint 5  
62200 PUTRAJAYA.
41. Ketua Akauntan  
Kementerian Belia dan Sukan  
Bahagian Akaun  
Aras 2, Menara KBS  
No.27, Persiaran Perdana, Presint 4  
62570 PUTRAJAYA.
42. Ketua Akauntan  
Kementerian Wilayah Persekutuan  
Bahagian Akaun  
Aras G-7, Blok 2  
Menara Seri Wilayah, Presint 2  
62100 PUTRAJAYA.

43. Ketua Akauntan  
Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani  
Bahagian Akaun  
Aras 3, Lot 4G1, Wisma Tani  
No 28 Persiaran Perdana, Presint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62624 PUTRAJAYA.
44. Ketua Akauntan  
Kementerian Komunikasi Dan Multimedia  
Bahagian Akaun  
Aras 28, Lot 4G9, Persiaran Perdana  
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62100 PUTRAJAYA.
45. Ketua Akauntan  
Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi  
Bahagian Akaun  
No.15, Aras 6-13  
Persiaran Perdana, Presint 2  
62654 PUTRAJAYA.
46. Ketua Akauntan  
Kementerian Kerja Raya  
Bahagian Akaun, Tingkat 1, Blok A  
Kompleks Kerja Raya  
Jalan Sultan Salahuddin  
50580 KUALA LUMPUR.
47. Ketua Akauntan  
Kementerian Pengangkutan Malaysia  
Bahagian Akaun  
Aras 4, Blok D5, Parcel D  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62616 PUTRAJAYA.
48. Ketua Akauntan  
Kementerian Luar Negeri  
Bahagian Pentadbiran dan Kewangan  
Wisma Putra  
No.1, Jalan Wisma Putra  
Presint 2  
62602 PUTRAJAYA.
49. Ketua Akauntan  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Bahagian Akaun  
Aras 11, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
62200 PUTRAJAYA.





## **GARIS PANDUAN POLISI PERALIHAN PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN BAGI KERAJAAN PERSEKUTUAN**

### **1. TUJUAN**

Garis Panduan Polisi Peralihan Pelaksanaan Perakaunan Akruan bagi Kerajaan Persekutuan ini adalah berdasarkan kepada SPANM 11/2017 Polisi Peralihan Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan bagi menetapkan :

- (a) Tempoh masa peralihan selama tiga(3) tahun bagi pelaksanaan sistem perakaunan akruan menggunakan 1GFMAS;
- (b) Polisi peralihan bagi mengakaunkan baki awal aset, liabiliti dan ekuiti Kerajaan Persekutuan dalam tempoh masa peralihan;
- (c) Polisi peralihan bagi pengiktirafan dan pengukuran bagi aset, liabiliti dan ekuiti serta pengiktirafan hasil Kerajaan Persekutuan dalam tempoh masa peralihan.

### **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Garis panduan ini dikeluarkan sebagai persediaan awal Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan perakaunan akruan berasaskan MPSAS sebelum pindaan Akta Tatacara Kewangan 1967 dikuat kuasakan.
- 2.2 Garis panduan ini akan diguna pakai selaras dengan pelaksanaan sistem 1GFMAS yang berasaskan perakaunan akruan bermula pada 1 Januari 2018.

### **3. TEMPOH PERALIHAN**

Tempoh masa peralihan selama tiga(3) tahun bagi persediaan awal pelaksanaan perakaunan akruan Kerajaan Persekutuan adalah bermula pada 1 Januari 2018 (tarikh pelaksanaan sistem 1GFMAS) dan berakhir pada 31 Disember 2020.

### **4. POLISI PERALIHAN**

#### **4.1 POLISI PERALIHAN BAGI BAKI AWAL ASET DAN LIABILITI**

Baki awal adalah baki awal aset, liabiliti dan ekuiti sewaktu permulaan pelaksanaan perakaunan akruan pada 1 Januari 2018 dan baki awal aset dan liabiliti yang baru dikenal pasti dalam tempoh peralihan bagi urusanniaga sebelum 1 Januari 2018.

##### **4.1.1 Aset**

###### **(a) Hartanah, Loji dan Peralatan**

- i) Aset Tak Alih dan Aset Alih yang dikenal pasti hendaklah diperakaunkan sekurang-kurangnya 90% pada tahun 2018.



- ii) Baki awal aset bagi Hartanah, Loji dan Peralatan diukur pada *Deemed Cost* (nilai saksama pada tarikh peralihan) bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020 sekiranya kos sejarah tidak dapat diperolehi dan ditentukan atau kos berkenaan didapati kurang tepat.
- iii) Aset Dalam Pembinaan (AUC) hendaklah diperakaunkan sepenuhnya pada tahun 2018 dan hendaklah diukur menggunakan Kos Sejarah.
- iv) Baki 10% Aset Tak Alih dan Aset Alih yang belum diperakaunkan pada tahun 2018 hendaklah diperakaunkan pada tahun 2019 hingga 2020
- v) *Componentization* aset tidak perlu diambil kira dalam menentukan baki awal aset pada tahun 2018.

**(b) Inventori**

Perakaunan inventori bagi PTJ adalah tertakluk kepada kriteria PTJ Inventori dan kaedah perakaunan yang ditetapkan dalam Interpretasi Polisi Perakaunan dan Garis Panduan Pelaksanaan Perakaunan Akruan Bil.1/2014.

**i) PTJ Inventori yang Menggunakan Sistem Pengurusan Stor (SPS)**

Baki awal inventori bagi PTJ Inventori yang menggunakan Sistem Pengurusan Stor (SPS) hendaklah diperakaunkan pada tahun 2018.

**ii) PTJ Inventori yang Menggunakan Sistem Selain SPS**

Baki awal Inventori bagi PTJ Inventori yang menggunakan sistem selain SPS boleh diperakaunkan dalam tempoh 2018 hingga 2020 atau sehingga sistem inventori asas akruan siap dibangunkan sepenuhnya (mana yang terdahulu) dengan kebenaran Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

**(c) Cukai Belum Terima**

Baki awal Cukai Belum Terima hendaklah diperakaunkan dalam tempoh 2018 hingga 2020. Cukai Belum Terima yang belum diakaunkan hendaklah didedahkan dalam nota kepada Penyata Kewangan dalam tempoh masa peralihan.

**(d) Akaun Belum Terima**

Baki awal Akaun Belum Terima (ABT) seperti belum terima dagangan, faedah, gaji dan lain-lain hendaklah diperakaunkan dalam tempoh 2018 hingga 2020.

**(e) Aset Kewangan Lain**

Aset Kewangan lain seperti berikut hendaklah diperakaunkan pada tahun 2018:-

- i) Tunai dan Kesetaraan Tunai;
- ii) Bayaran Terdahulu
- iii) Pinjaman dan Pendahuluan; dan
- iv) Pelaburan.



- (f) **Aset Pajak**  
Baki awal bagi aset pajak hendaklah diperakaunkan dalam tempoh 2018 hingga 2020 kecuali bagi perjanjian pajak yang disenaraikan di **Lampiran A**. Apabila entiti mengakaunkan aset pajak, liabiliti pajak bagi aset berkenaan juga perlu diperakaunkan dalam tempoh yang sama dengan aset pajak tersebut.
- (g) **Aset Konsesi**  
Baki Awal Aset Konsesi seperti lebuhraya, jambatan bertol dan lapangan terbang hendaklah diperakaunkan pada tahun 2018 hingga 2020.
- (h) **Aset Tak Ketara**  
Baki awal Aset Tak Ketara seperti lesen perisian serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) hendaklah diperakaunkan dalam tempoh 2018 hingga 2020.
- (i) **Hartanah Pelaburan**  
Baki awal Hartanah Pelaburan seperti tanah dan bangunan yang dipegang untuk sewaan dan peningkatan nilai hendaklah diperakaunkan dalam tempoh 2018 hingga 2020.
- (j) **Aset Pertanian**  
Baki awal aset pertanian seperti haiwan dan tumbuhan hendaklah diperakaunkan dalam tempoh 2018 hingga 2020.

#### **4.1.2 Liabiliti**

- (a) **Cukai Belum Bayar**  
Baki awal bagi cukai belum bayar hendaklah diperakaunkan dalam tempoh masa peralihan. Dalam tempoh masa peralihan, akaun amanah berikut akan diiktiraf sebagai cukai belum bayar:-
  - (i) Kumpulan Wang Amanah Tabung Bayaran Balik Cukai (TBBC)
  - (ii) Kumpulan Wang bagi Pembayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP)Cukai belum bayar yang belum diperakaunkan hendaklah didedahkan dalam nota kepada Penyata Kewangan.
- (b) Baki awal bagi liabiliti seperti berikut hendaklah diperakaunkan pada tahun 2018:-
  - (i) Akaun Belum Bayar (Dagangan, Faedah, Gaji dan lain-lain)\*
  - (ii) Deposit; dan
  - (iii) Nota Belum Bayar

NOTA: \* Bergantung kepada materialiti



- (c) Baki awal Liabiliti seperti berikut hendaklah diperakaunkan mulai tahun 2018 hingga 2020 atau apabila sistem asas akuan siap dibangunkan sepenuhnya (mana yang terdahulu):-
  - (i) Pinjaman;
  - (ii) Pajakan/ Konsesi seperti pajakan kewangan, pajakan operasi dan liabiliti konsesi; dan
  - (iii) Peruntukan (*Provisions*) iaitu semua jenis peruntukan, jaminan pencarum/ pendeposit dan jaminan pinjaman.

## **4.2 POLISI PERALIHAN BAGI PENGIKTIRAFAN DAN PENGUKURAN DALAM TEMPOH MASA PERALIHAN**

Kementerian dan Jabatan hendaklah memperakaunkan semua urusan berkaitan tahun kewangan bermula 2018 secara asas akuan dan mematuhi *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) serta polisi perakaunan yang berkaitan. Walau bagaimanapun, semasa tempoh peralihan ini, pengecualian adalah diberi bagi perkara yang dinyatakan di bawah.

### **4.2.1 Pengiktirafan dan Pengukuran Aset**

Pengecualian daripada mematuhi keperluan pengiktirafan dan pengukuran aset seperti mana keperluan Piawai Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) yang berkaitan adalah diberikan kepada item aset seperti berikut:

#### **(a) Aset Pajakan**

Semua kontrak pajakan boleh terus diiktiraf sebagai pajakan operasi dalam tempoh masa peralihan 2018 hingga 2020 kecuali bagi kontrak pajakan yang dinyatakan di **Lampiran A**. Walau bagaimanapun, peruntukan ini tidak terpakai bagi mana-mana kontrak pajakan yang telah mengakaunkan baki awal aset pajakan dalam tempoh peralihan.

#### **(b) Hartanah, Loji dan Peralatan**

Aset HLP yang diperoleh mulai 1 Januari 2018 boleh diakaunkan mengikut komponen (*componentisation*) sekiranya bersesuaian dan praktikal dalam tempoh peralihan bermula 2018 hingga 2020.

### **4.2.2 Pengiktirafan dan Pengukuran Hasil**

Hasil hendaklah diiktiraf dan diukur mengikut kriteria yang telah ditetapkan oleh MPSAS yang berkaitan dengan hasil iaitu MPSAS 9, *Hasil daripada Urusniaga Pertukaran* dan MPSAS 23, *Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran*. Pengecualian daripada mematuhi keperluan pengiktirafan dan pengukuran hasil diberikan kepada item hasil seperti berikut:



**Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran**

(a) Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran berikut hendaklah diiktiraf dalam tempoh tahun 2018 hingga 2020.

- i) Cukai Pendapatan;
- ii) Cukai Langsung Lain;
- iii) Cukai Keuntungan Harta;
- iv) Cukai Export dan Import;
- v) Duti Eksais;
- vi) Cukai Jualan atas Barangan Perkilangan Dalam Negeri dan Import
- vii) Cukai Perkhidmatan;
- viii) GST;
- ix) Levi (selain daripada Kenderaan dan Imigresen);
- x) Duti Eksais Barangan Import; dan
- xi) Lain-lain Cukai (termasuk Cukai Wilayah Persekutuan).

(b) Hasil daripada pindahan dan lain-lain hasil berikut hendaklah diperakaunkan dalam tempoh tahun 2018 hingga 2020:-

- i) Denda;
- ii) Bayaran Perkhidmatan Hospital; dan
- iii) Lain-lain Pindahan.

**4.2.3 Aset Dan Liabiliti Yang Didedahkan Dalam Nota Kepada Penyata Kewangan**

Pengecualian pengiktirafan bagi item aset dan liabiliti dalam tempoh peralihan dan hanya didedahkan dalam Nota kepada Penyata Kewangan adalah diberikan seperti berikut:

(a) Aset seperti berikut hendaklah didedahkan dalam nota kepada Penyata Kewangan:-

- i) Cukai Belum Terima yang belum diakaunkan dalam tempoh masa peralihan hendaklah didedahkan dalam tahun yang berkaitan.
- ii) Aset Luar Jangka (Aset Kontinjen) mulai tahun 2019 hingga 2020.
- iii) Aset Warisan didedahkan pada tahun 2020.

(b) Liabiliti seperti berikut hendaklah didedahkan dalam nota kepada Penyata Kewangan:-

- i) Cukai Belum Bayar yang belum diakaunkan dalam tempoh peralihan hendaklah didedahkan dalam tahun yang berkaitan.
- ii) Liabiliti Pencen iaitu pembayaran pencen, ganjaran dan gantian cuti rehat mulai tahun 2019 hingga 2020.
- iii) Liabiliti Luar Jangka (Liabiliti Kontinjen) seperti jaminan ke atas pinjaman dan simpanan pendeposit di Bank Simpanan Nasional,



## Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Kumpulan Wang Simpanan Guru-Guru, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Lembaga Tabung Haji pada tahun 2019.

- iv) Liabiliti Luar Jangka bagi kes mahkamah mulai tahun 2019 hingga 2020.
- v) Sekuriti Tak Dituntut pada bermula tahun 2019.

### 5. PEMAKAIAN

- 5.1 Semua Kementerian hendaklah mematuhi garis panduan ini untuk memastikan perakaunan baki awal aset, liabiliti dan ekuiti serta pengiktirafan hasil dilaksanakan mengikut polisi peralihan yang ditetapkan bermula pada 1 Januari 2018 dan berakhir pada 31 Disember 2018.
- 5.2 Polisi ini hendaklah dibaca bersekali dengan Polisi Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan serta Polisi dan Interpretasi Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan.



**LAMPIRAN A**

*Lampiran ini adalah sebahagian daripada garis panduan ini dan hendaklah dibaca bersekali. Senarai yang dinyatakan di bawah adalah tertakluk kepada kemaskini dari semasa ke semasa.*

**(i) Pajakan**

*Kontrak pajakan yang tidak akan diperakaunkan dalam tempoh peralihan seperti berikut:-*

1. Kontrak pajakan sewaan kenderaan SPANCO

*Kontrak pajakan yang tiada peruntukan peralihan dan perlu diperakaunkan mengikut keperluan MPSAS 13 – Pajakan.*

1. Kontrak pajakan Putrajaya Holding.